

20/09/1997

Darurat ditarik balik jika indeks menurun

KUALA LUMPUR, Jumaat - Darurat Jerebu di Sarawak yang diisytiharkan hari ini hanya akan ditarik balik apabila kadar Indeks Pencemaran Udara (API) di negeri itu berkurangan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Datuk Mohamed Rahmat, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengarah Gerakan Negara akan menarik balik pengisytiharan itu apabila keadaan mengizinkan.

"Saya tidak dapat memastikan tempoh darurat di Sarawak tetapi ia dijangka berterusan jika dilihat kepada pergerakan indeks dalam masa 13 jam lalu. Jerebu di Kuching melonjak dari 156 petang semalam kepada 614 pagi ini.

"Ini menunjukkan kebakaran di Kalimantan semakin serius dan Sarawak terjejas teruk berikutan pergerakan angin. Selain Sarawak, bahagian tengah dan selatan Semenanjung turut mengalami kesan jerebu ketara berbanding bahagian utara," katanya dalam sidang akhbar hari ini.

Beliau mahu majikan di Sarawak mematuhi arahan menutup semua pejabat bagi memastikan kesihatan pekerja terjaga kerana mereka bertanggungjawab ke atas kesihatan pekerja masing-masing.

(END)